

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN ISNIN 5 OGOS 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	PELUANG BESAR KEPADA PETANI, NASIONAL, SH -14 'SAYA LARANG GUNA SISTEM CAI', NASIONAL, SH -3 2 BAKTERIA DIGUNA HASIL UBI KELEDEK, NASIONAL, BH -16 AGRICULTURE MINISTER: PROMOTING LOCAL FRUITS IN CONJUNCTION WITH VISIT MALAYSIA YEAR TO EXPLORE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 AGRICULTURE MINISTRY PROMOTES LOCAL FRUITS OVERSEAS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6a SALAHUDDIN NOT ENCOURAGING MENU CULTURE, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14 KENYATAAN DISALH TAFSIR, TIDAK SOKONG SISTEM 'CAI', NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
8. 9.	RABBIT KING BANTU KOMERSIALKAN DAGING ARNAB, MEGA AGRO, UM -28 UPM, MFM TINGKAT INDUSTRI AYAM PEDAGING, MEGA AGRO, UM -29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10. 11.	MAQIS RAMPAS ISI KELAPA SEJUK BEKU, SINAR NEGERI SELATAN, SH -33 PROSEDUR KETAT PEMERIKSAAN DI PINTU SEMPADAN, NASIONAL, BH -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	MASALAH KETIRISAN BAJA SUBSIDI BERLAKU DI PERINGKAT BAWAH, NEGARA, KOSMO -6	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14. 15.	BERAT HATI LEPASKAN SI MERAH, SETEMPAT, HM -2 KELANTAN RINTIS TANAMAN MUSANG KING, NEGERI, HAKAKAH -N12 KELANTAN PASTIKAN BEKALAN MAKANAN CUKUP, NEGERI, HAKAKAH -N2	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
16. 17. 18.	KPNHEP BELUM TERIMA ADUAN BEKALAN DAGING TAK CUKUP, NASIONAL, BH -16 RM8 JUTA SEBULAN, SETEMPAT, HM -12 ARRANGE CHINESE QUARANTINE OFFICIALS TO VISIT JACKFRUIT PLANTATION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Peluang besar kepada petani

**MOA bakal
luaskan promosi
buah-buahan
tempat
ke luar negara**

NURALINA HASSAN

BAKRI

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bakal mempromosikan buah-buahan tempatan secara meluas di negara luar sebagai langkah menarik pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, inisiatif itu bukan sahaja

mempromosikan Malaysia malah turut memberi peluang besar kepada petani. Selain China katanya, kempen berkenaan juga akan dipergiatkan ke Singapura, Korea Selatan, Jepun, Timur Tengah dan Eropah.

"Menerusi kempen itu membolehkan kita menarik pelancong untuk datang dan menikmati buah-buahan tempatan.

"Ia secara tidak langsung akan memberi potensi untuk melihat pasaran dan mengeksport produk tani ke negara luar.

"Kita akan terus berusaha memperkenalkan buah-buahan tempatan lain seperti rambutan, pulasan, manggis dan tembikai susu supaya ia dapat dipasarkan di luar negara terutama negara China ke-



Salahuddin (tengah) ketika menyempurnakan giatk perasmian Program Keusahawanan Tani bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Taman Bakri Makmur, Batu 5 Muar, Johor semalam.

rana ia menjanjikan pasaran besar," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Keusahawanan Tani bersama Menteri Pertanian dan

Industri Asas Tani di Taman Bakri Makmur di sini semalam.

Salahuddin berkata, selepas kejayaan pasaran eksport di China, beliau men-

jangkakan hasil pertanian itu akan turut menembusi pasaran negara lain.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, MOA turut menyatakan

keyakinan lonjakan hasil pertanian negara yang kini mulai mendapat permintaan tinggi dalam sektor pemasaran.

Menurut Salahuddin, berdasarkan lawatannya ke beberapa negara, beliau mendapati bekalan pertanian dari Malaysia tidak mencukupi dalam memampung permintaan.

"Bagi saya sekarang ni tiada lagi masalah pemasaran.

"Kalau dulu, nak tanam produk pertanian mungkin bimbang tak laku di pasaran, tetapi daripada pengalaman saya turun padang ke seluruh negara, nampak bekalan itu sebenarnya tidak mencukupi. Inilah peluang terbaik usahawan kita untuk memperbanyakkan produk pertanian mereka," katanya.

'Saya larang guna sistem cai'

Sistem cai tidak adil kepada ahli dan calon bertanding

NUR ALUNA HASSAN

BAKRI

Timbangan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Sa-lahuddin Ayub menegaskan beliau tidak akan menyokong sistem cai untuk diguna pakai pada pemilihan Pemuda Amanah ketika ini.

Menurutnya, budaya yang diterapkan oleh Pas itu adalah tidak adil kepada semua ahli dan Amanah pastinya tidak menyokong

amalan itu. "Ucapan saya berkenaan sistem cai yang dipetik dalam pemilihan Pemuda Amanah semalam (kelmarin) tidak diletakkan dalam konteks yang betul. Saya menyarankan bahawa kita (Amanah) tidak sekali-kali bersertu dengan sistem cai.

"Kaedah itu mampu menghilangkan rasionaliti dan kelayakan seseorang kerana dipilih secara cai. Tapi dalam parti Amanah, kita pastikan ini tidak berlaku seperti kaedah Pas yang menjahanamkan rasional memilih pemimpin," katanya.

Beliau berkata demikian an pada sidang media selepas merasmikan Program Keusahawanan Tani bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu ber-



Salahuddin ditemani isteri, Datin Fatimah Taha meninjau reruai sempena Program Keusahawanan Tani bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Taman Bakri Makmur, Batu 5, Muar semalam.

Taman Bakri Makmur, Batu 5 di sini semalam. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu ber-

kata, kenyataannya sebe-

lum ini disalah erti apabila beberapa laporan media memetik kononnya beliau mahu memperkenalkan sistem cai yang lebih demo-

kratik dalam pemilihan sayap parti. Katanya, perkara itu tidak akan berlaku kerana ia sama sekali dilarang da-

lam Amanah. "Dalam Amanah kita saran mereka pilih berdasarkan kebolehan, merit, disiplin dan dibawa. Saya cakap begini sebab dah tiga tahun penubuhan Amanah yang mana ahli dah cukup bijak untuk memilih pemimpin parti.

"Apa yang saya nak maksudkan bahawa Pemuda Amanah hari ini tak akan guna pakai sistem cai macam diperkenalkan Pas dahulu. Pemuda kita ada visi dan misi, bukan adakan pemilihan secara sembunyi dan memburukkan orang.

"Saya tegaskan bahawa ahli parti layak memilih sesiapa sahaja pemimpin yang sesuai. Bukan pilih sebab dihasut atau digalakan oleh orang lain. Itu paling dilarang dalam Amanah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

2 bakteria diguna hasil ubi keledek berkualiti

KADA dapatkan bantuan MARDI pastikan tanaman setanding keluaran Jepun

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@nstp.com.my

Kota Bharu: Dua jenis bakteria akan digunakan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi memastikan tanaman ubi keledek yang dihasilkan di negeri ini setanding dengan kualiti keluaran Jepun dan Indonesia.

Pengerusinya, Datuk Husam Musa, berkata pihaknya akan mendapatkan bantuan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi mengesan bakteria *rhizosphere* dan *endophyte* dalam persekitaran negara ini.

Katanya, bakteria itu dipercayai dapat menjadikan ubi keledek lebih manis dan berkualiti sekaligus membantu meningkatkan pendapatan petani.

"Kami bercadang membawa dua jenis bakteria ini untuk hasilkan ubi keledek atau 'ubi stelo' dalam dialek Kelantan yang manis dan berkualiti.

"Setakat ini tidak ramai petani yang menanam ubi. Jadi, kita mahu tingkatkan pendapatan petani khususnya di kawasan Bachok yang terabit dengan penanaman ubi keledek," katanya selepas merasmikan Seminar Teknikal MARDI - KADA di Auditorium KADA di Lundang, di



Husam bersama Mohamad Roff (Idri) pada Seminar Teknikal MARDI - KADA di Kota Bharu, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Nor dan Pengerus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Sementara itu, Mohamad Roff berkata, pihaknya akan mendapatkan bantuan daripada Institut Teknologi Bandung bagi mendapat maklumat lebih spesifik mengenai bakteria *rhizosphere* dan *endophyte*.

"Kami cuma perlu tahu spesies dengan lebih tepat supaya boleh dicari dalam persekitaran di Malaysia.

"Kami yakin memang ada, apabila kita sudah dapat dua jenis bakteria itu, senanglah untuk ia dibiakkan di tanaman ubi kele-

Kami bercadang membawa dua jenis bakteria ini untuk hasilkan ubi keledek atau 'ubi stelo' dalam dialek Kelantan yang manis dan berkualiti.

Husam Musa,
Pengerusi KADA

dek" katanya.

Terdahulu, Husam dalam ucapannya berkata, bakteria *rhizosphere* dan *endophyte* adalah sebahagian kandungan penting tanah di daerah Cilembu, Jawa Ba-

rat iaitu tempat penanaman ubi keledek paling manis di Indonesia.

"Ketika Perang Dunia Kedua, askar Jepun di Bandung, Indonesia membawa pulang ubi keledek Indonesia ke Jepun dan tanam dengan baik sehingga sekarang orang anggap ubi keledek di negara itu yang paling manis di dunia dan dijual dengan harga mahal di pasaran.

"Padahal ubi keledek paling manis adalah di tempat asalnya di Cilembu, yang mempunyai dua bakteria 'baik', iaitu *rhizosfera* dan *endophyte* yang menyebabkan ubi yang ditanam di sana tanpa mengira jenis menjadi manis dan semacam ada lapisan madu," katanya.

Headline	Agriculture Minister: Promoting local fruits in conjunction with Visit Malaysia Year to explore		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	05 Aug 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,226
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,678



沙拉胡丁（右三）与参展单位代表交流。

农长：配合大马旅游年 广推本地水果拓市场

（麻坡 4 日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，各类本地水果的供应市场销路稳定，农民没有产品滞销的隐忧。

他举例，本季榴梿季节也是盛产期，除了名种榴梿，甘榜榴梿的价格平稳，没有出现贱价抛售情况。

沙拉胡丁说，该部将配合 2020 大马旅游年，向各国游客广推本地水果，扩大水果市场。

沙拉胡丁也是新邦二南州

议员，他今日出席选区举办的农业企业家嘉年华活动时这么说。出席者包括武吉南州议员亚斯鲁丁与文打烟州议员黄益豪及麻坡副县长希米。

沙拉胡丁提及，有关出口波罗蜜至中国的程序与措施尚在商讨中，该部同时计划将更多本地水果如红毛丹、葡萄山、山竹及西瓜等，大量推销至国外。

“除了推销至中国与新加坡，还包括欧洲、中东、日本与韩国等国家。”

Headline	Agriculture Ministry promotes local fruits overseas		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	05 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A6a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,592
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,776



配合旅游年吸引更多游客 农业部海外推广本地水果

（麻坡 4 日讯）配合 2020 年大马旅游年，农业与农基工业将在海外推介大型活动推广本地水果，以吸引更多游客到访我国。

农长拿督沙拉胡丁指出，这是政府欲打造马来西亚为享用本地水果的首选地方，同时也让政府有机会扩大市场到海外。

他说，除了中国，推广活动将在新加坡、韩国、日本、中东及欧洲进行。

“我们将继续推广其他本地水果如红毛丹、葡萄桑、山竹及哈密瓜，以便它们能销售到国外尤其是中国，因为它有很大市场。”

他今日为农业企业嘉年华

开幕后，向记者这么说。

沙拉胡丁指出，在成功出口冷冻猫山王榴莲后，部门与中国讨论出口蜜糖菠萝蜜，目前有数项程序及出口议定书需要部门准备，以落实这项计划。

他说，中国执法单位将参观农民经营的水果园及农场，并安排议定书、了解素质水平及未来出口水果的安全性。

“最重要是我们重视素质，同时有关水果园及农场必须拥有大马良好农业规范认证 (MyGAP)，以便有资格出口水果到国外。”

“这是部门发展农业的焦点之一，同时加强下游行业，提升国内经济和农业。” #



沙拉胡丁（中）相信本地水果可以吸引更多游客到访我国。

Headline	Salahuddin not encouraging menu culture		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	05 Aug 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A14	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,023
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,068



麻坡4日讯 | 国家诚信党善理主席拿督沙拉胡丁澄清，他并没有在该党青年团改选中鼓吹菜单竞选文化，反之希望党员能以理性的态度，选出贤能者来领导该党。

他说，党员在竞选活动中可以公开表示支持某候选人，而不是偷偷摸摸。以该党3年党龄，党员能够理智遴选出贤能的领袖。

沙拉胡丁没鼓吹菜单文化

「我不要菜单文化，因某些人在菜单内，他将被迫或受恐吓支持一些他不喜欢的人。」

沙拉胡丁也是农业及农基工业部长兼新邦二南州议员，今日主持在该州选区举办的农业嘉年华会开幕礼，受询时如

是表示。

他说，日前有一家媒体误解了他的意思，指他鼓吹如伊斯兰教党的菜单文化。

「菜单文化是伊党的竞选文化，这种文化易造成诽谤敌对者。」

诚信党是多元种族政党，

党员有16万人。今年是该党的党选年，10月之前举行区部、支部及臂膀区团和妇女组的大会。各州联委会的大会则落在10月。全国党选订12月份在雪隆区举行。

该党采纳的是初选、复选制，先由党员投选出18名最高领导，再由这18人举行复选选出主席、署理主席、3名副主席和理事等高职。

Kenyataan disalah tafsir, tidak sokong sistem 'cai'

Muar: Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Salahuddin Ayub menegaskan bahawa beliau tidak menyokong sistem 'cai' yang digunakan pada pemilihan Pemuda AMANAH yang berlangsung semalam.

Beliau berkata, kenyataannya sebelum ini disalah erti apabila beberapa laporan media memetik kononnya beliau akan memperkenalkan sistem 'cai' yang lebih demokratik dalam pemilihan sayap parti itu.

Katanya, perkara seumpama itu tidak boleh berlaku sama sekali dan dilarang sebagaimana budaya yang diterapkan oleh parti PAS kerana ia dilihat tidak adil kepada semua ahli.

"Apa yang saya maksudkan ialah Pemuda AMANAH hari ini tidak akan guna pakai 'sistem cai' macam diperkenalkan PAS dahulu kerana kita ada visi dan misi,

bukan adakan pemilihan secara sembunyi dan menyemburukkan orang.

"Saya tegaskan bahawa ahli parti layak memilih sesiapa sahaja pemimpin sesuai, bukan sebab dihasut atau digalakkan oleh orang lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Keusahawanan Tani di Bakri, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, penubuhan AMANAH sudah berusia tiga tahun, iaitu semua ahlinya sudah maklum dan cakna untuk memilih pemimpin parti.

"Ucapan saya berkenaan sistem 'cai' yang dipetik dalam pemilihan Pemuda AMANAH semalam (kelmarin) tidak diletakkan dalam konteks yang betul.

"Saya menyuarakan bahawa kita (AMANAH) tidak sekali-kali bersetuju dengan sistem berkenaan," katanya.

BERNAMA



Salahuddin bersama peserta yang menerima insentif pada Program Keusahawanan Tani di Bakri, Muar, semalam.

(Foto BERNAMA)

5/8/2019

UTUSAN
MALAYSIA

MEGA AGRO

28

“

Rasa daging arnab yang lebih empuk berbanding daging lain mendorong permintaan terhadap haiwan tersebut tinggi.”

Oleh ZETI
FARZANA ALPIKRI
pengarang@utusan.com.my



SEBUT sahaja mengenai arnab sudah pasti terlintas di kepala mengenai kecomelan dan kelincihan haiwan kecil ini berlari ke sana-sini memenuhi padang atau rumput yang menghijau.

Arnab merupakan haiwan yang sering dijadikan sebagai teman peliharaan. Namun kini ia juga ditanam secara meluas menerusi penubuhan ladang arnab yang memasarkan dagingnya secara komersial untuk dimakan.

Rasa daging arnab yang lebih empuk berbanding daging lain mendorong permintaan terhadap haiwan tersebut tinggi sehingga memecah antara 150 dan 300 kilogram daging karkas dan daging tanpa tulang setiap bulan.

Namun, situasi industri penternakan di negara ini memperlihatkan bahawa masih tidak ramai yang berani menceburkan diri dalam industri penternakan arnab kerana kebanyakannya mereka lebih gemar melibatkan diri dalam penternakan ayam, lembu dan kambing.

Justeru, situasi tersebut dilihat sebagai peluang kepada usahawan daging ini untuk mengkomersialkan haiwan ternakan tersebut untuk pasaran tempatan serta dieksport kepada pasaran antarabangsa.

Menurut Pengurus Operasi Rabbit King Malaysia, Muhammad Zulfadli Zahir, One Stop Rabbit Farm & Trading yang diasaskan oleh Mohd. Ismail Padzil pada 2009 kini mempunyai lebih 6,000 ekor arnab daripada 11 baka pedagang dan baka hiasan.

“Antara baka arnab yang terdapat di ladang ini adalah *White, Californian, Holland lop, Netherland Dwarf, Angora* dan *Lion hop* yang kebanyakannya diimport dari beberapa negara

seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Belanda.

“Kami mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membangunkan industri ternakan arnab,” katanya.

Mengulas lanjut Muhammad Zulfadli memberitahu, meskipun modal untuk membangunkan perniagaan ini agak besar, namun industri ini dilihat mampu memberikan keuntungan maksimum sekali gus melahirkan usahawan.

“Ladang arnab yang mempunyai keluasan empat ekar ini merangkumi reban, rumah serta taman arnab

dan burung dijadikan sebagai *petting zoo* yang dibuka kepada orang ramai setiap Sabtu, Ahad dan cuti umum dengan bayaran hanya RM5 seorang.

“Kini, kami berjaya membiakkan baka-baka arnab komersial tersebut disertakan dengan pemilihan induk bagi tujuan ladang sendiri.

“Selain itu, kami juga menjual kepada usahawan baru yang berminat memulakan projek sebagai pendapatan sampingan mahupun secara sepenuh masa,” katanya.

Tambahnya, daging arnab dipasarkan kepada Sate Kajang Haji Samuri dan beberapa hotel terkemuka serta restoran di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

“Kami kini dalam perancangan untuk menambah

pengeluaran bagi menampung keperluan yang semakin meningkat di samping memberi peluang kepada individu di luar sana untuk menjual semula hasil ternakan arnab mengikut kriteria yang ditetapkan.

“Arnab yang kami terima daripada usahawan akan disembelih dan diproses di rumah sembelihan Halal One Stop Rabbit Farm & Trading dan seterusnya disimpan untuk produk sejuk beku,” katanya.

Menurut Muhammad Zulfadli, semasa mula menceburkan diri dalam industri penternakan arnab, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan.

Ini kerana ramai yang menganggap arnab seperti kucing dan tidak sampai hati untuk makan haiwan cilik itu.

“Selain itu, cabaran harga yang agak mahal kerana daging arnab dikategorikan sebagai makanan eksotik juga menjadi penghalang kepada industri ini untuk berkembang pada peringkat permulaan.

Namun, kini dengan perkembangan teknologi maklumat sudah ramai yang dapat menerima potensi dan kebaikan daging arnab. Malah, permintaan semakin hari semakin meningkat dan industri penternakan daging semakin berkembang,” katanya.

Daging arnab dipasarkan mengikut jenis bergantung kepada jenis baka, umur dan kualiti haiwan tersebut.

“Oleh itu, usahawan baru boleh membeli baka arnab untuk tujuan komersial daripada kami dengan harga



Rabbit King bantu komersialkan daging arnab



SEKUMPULAN pengunjung bermain dengan arnab di One Stop Rabbit Farm & Trading.



ARNAB daripada baka Rabbit King ditempatkan dalam reban.

5/8/2019

UTUSAN
MALAYSIA

MEGA AGRO

29



PAPAH tanda menunjukkan jalan ke ladang arnab.



MUHAMMAD ZULFADLI ZAHIR menunjukkan dua ekor arnab ternakannya.

yang jauh lebih murah," katanya.

Muhammad Zulfadli berharap industri ternakan arnab menjadi salah satu bidang baharu yang berpotensi untuk dikomersialkan dan eksport seperti mana industri ternakan lain seperti ayam dan lembu.

"Saya juga berharap supaya kerajaan dapat menyediakan lebih banyak medium untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang penternakan, sekali gus mampu membantu meningkatkan ekonomi.

"Ini kerana pasaran makanan masih terlalu luas untuk diteroka, malah iklim tropika di negara kita dilihat memberikan kelebihan untuk industri ternakan dengan menjalakan program pembiakan sepanjang tahun," katanya.

INFO

One Stop Rabbit Farm & Trading

- Lokasi: Kampung Bukit Badong, Kuala Selangor
- Jumlah ternakan: 6,000 ekor
- Aktiviti: Zoo mini arnab dan burung

Harga haiwan ternakan

- Karkas: RM35 hingga RM45
- Daging tanpa tulang (Boneless): RM45 hingga RM60
- Hidup (baka): RM50 hingga - RM350 (bergantung kepada jenis baka, umur dan kualiti)
- Maklumat lanjut hubungi 017-2632979

UPM, MFM tingkat industri ayam pedaging

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com

KEPAKARAN Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam sektor ternakan dan pertanian tidak dapat dinafikan apabila institusi pengajian tinggi itu berjaya melahirkan graduan yang cemerlang, pakar dan berjaya dalam bidang tersebut.

Kelahiran UPM dari aspek teknikal dan kepakaran menjadi penanda aras bagi Malayan Flour Mills Berhad (MFM) untuk menjalin kerjasama dalam meningkatkan pengeluaran dan kualiti ayam pedaging yang selaras dengan matlamat syarikat berkenaan.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang berlangsung baru-baru ini melibatkan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Pengerusi MFM, Tan Sri Arshad Ayub sambil disaksikan oleh Pengarah Pengurusan MFM, Teh Wee Chye dan Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi.

Menerusi kerjasama tersebut akan membantu UPM mencapai matlamatnya untuk meningkatkan Perkhidmatan Rangkaian Industri dan Komuniti serta mengukuhkan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Unggas.

Kerjasama tersebut bermula dengan lawatan MFM ke UPM pada November tahun lalu serta lawatan ke Universiti Arkansas di Amerika Syarikat dalam mencari penyelesaian masalah pengeluaran ayam jangka panjang dalam pelbagai aspek penting



MAJLIS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM diwakili Dr. Aini Ideris (dua dari kiri) dan Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi (kiri) manakala Malayan Flour Mills diwakili Arshad Ayub (dua, kanan) dan Teh Wee Chye (kiri) di Serdang baru-baru ini.

ekonomi seperti pengurusan, pemakanan, kualiti mentah (untuk makanan), pemrosesan hiliran produk ayam pedaging, kesejahteraan penternakan ayam dan pengkomposan kotoran ayam.

Aini ketika berucap memberitahu, UPM akan menawarkan pelbagai kepakaran melalui Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Sains Makanan dan Teknologi serta Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan.

"Kesemua fakulti terabit mempunyai pelbagai jenis kepakaran dalam pengurusan ayam pedaging, pemakanan, pembiakan, kotoran ayam dan pemrosesan hiliran yang sangat relevan dengan MFM," katanya.

Melalui MoU itu, MFM bersetuju membiayai sistem rumah tertutup untuk ayam pedaging kepada Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian.

Tambah beliau, kos pembinaan sistem rumah tertutup dijangka lebih

RM500,000 selain turut menaja tiga biasiswa penuh untuk pelajar Sains Haiwan bermula September ini untuk mengikuti sub pengkhususan dalam pengeluaran ayam di Universiti Arkansas.

"Rumah tertutup itu akan dilengkapi sistem yang penuh termasuk menghalang daripada berbau dan tiada lalat.

Ini bermakna ayam yang ditenak amat bersih serta memenuhi keperluan pasaran," jelasnya.

Sementara itu Arshad yang juga bekas graduan UPM yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, percaya hubungan baik yang tidak pernah terputus walaupun selepas tamat pengajian menjadi pendorong beliau menggalakkan kerjasama tersebut bagi membolehkan industri penternakan di negara ini terus berkembang maju.

Katanya, jumlah penduduk di negara ini berjumlah 32.1 juta secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan industri penternakan.

"Kerjasama seperti ini amat penting agar industri sentiasa memiliki bekalan yang mencukupi serta dalam masa sama membekalkan ayam yang berkualiti," jelasnya.



KEPAKARAN UPM dalam bidang penternakan ayam dimanfaatkan dalam pembangunan industri ayam pedaging. GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELATAN	33

MAQIS rampas isi kelapa sejuk beku

BATU PAHAT – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas isi kelapa putih sejuk beku di Tapak Pemeriksaan Jeti Right Base, Kampung Minyak Beku di sini Khamis lalu.

Pengarah MAQIS Johor/Melaka, Siti Nur Ahmad berkata, produk yang tidak mematuhi syarat melalui permit import itu dirampas ketika pemeriksaan kira-kira jam 12 tengah.

Menurutnya, jika sabit kesalahan pengimport akan didakwa di bawah Seksyen 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

Kesan baka anjing terlarang

Prosedur ketat pemeriksaan di pintu sempadan

Kuala Lumpur: Ageri Kavalan Sempadan (AKSEM) mempunyai prosedur jelas berhubung kemasukan baka anjing terlarang ke dalam negara.

Ini termasuk pemeriksaan ketat dan teliti di pintu sempadan terhadap anjing yang cuba dibawa masuk menggunakan pelbagai jenis kenderaan.

Ketua Pengarah AKSEM, Datuk Shahrudin Abu Sohot, berkata jika pihaknya mengesan ada baka anjing terlarang yang cuba dibawa masuk, binatang itu akan ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

(MAQIS) untuk tindakan susulan.

Katanya, AKSEM dan MAQIS bekerjasama baik dalam usaha mengesan cubaan membawa masuk baka anjing terlarang.

"Berdasarkan rekod, ada satu baka masuk baka anjing terlarang, ketika ditahan binatang itu diletakkan di dalam sangkar di atas sebuah motosikal.

"Haiwan atau anjing cuba dibawa masuk akan diperiksa, tidak timbul isu baka anjing dilarang ini dicampurkan dengan anjing biasa, semuanya akan diperiksa dengan teliti, jika dikesan ia baka

berkata, beliau tidak menolak kemungkinan baka anjing terlarang itu dibawa masuk menggunakan laluan haram seperti benda haram yang lain seperti rokok dan arak.

"Ada kemungkinan penyeludup untuk membawa masuk baka anjing terlarang ini, mereka (penyeludup) tahu laluan rahsia seperti laluan di hutan untuk mengelak daripada dikesan.

"Oleh itu, kita minta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kemasukan baka anjing terlarang untuk tampil melaporkan kepada AKSEM

atau MAQIS, kita pandang serius perkara ini, jika ada maklumat boleh ambil terus tindakan," katanya.

Akhbar BH melaporkan, baka anjing terlarang dikatakan sudah menyelusup masuk ke negara ini bukan saja melalui laluan tikus, malah ada pihak berani dan secara terang-terangan iaitu dengan menggunakan laluan sah di pintu sempadan negara.

Kaedah yang selalu digunakan adalah dengan mencampurkan anak anjing baka terlarang dengan baka biasa yang lain, kerana laluan anjing itu kelihatan sama dengan anjing biasa lain.



Shahrudin Abu Sohot

terlarang atau tiada dokumen, kita akan serahkan kepada MAQIS," katanya ketika dihubungi semalam.

Bagaimanapun, Shahrudin

Masalah ketirisan baja subsidi berlaku di peringkat bawah



SAIFUDDIN (dua dari kanan) melihat aktiviti pengilangan baja di kilang MNFSB ketika mengadakan Lawatan Kerja ke kilang itu di Gurun semalam.

GURUN - Isu ketirisan dan penyelewengan dalam agihan baja subsidi kepada petani bukan berpunca di peringkat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), sebaliknya ia seiring dikesan di peringkat lebih bawah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, dari segi jalur pengagihan baja, ia jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab Nafas selesai selepas proses pengedaran dibuat kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Daripada PPK, agihan (baja) dilakukan kepada petani. Di sana penguat kuasa kita kesan ada kes ketirisan baja tapi tidak mencemaskan, namun ia wujud.

"Penguat kuasa (kementerian) temui beberapa kes jualan baja subsidi

kepada pihak tertentu yang kadangkala dibuat pembungkusan semula baja," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Malaysia NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFSB) di sini semalam.

Katanya, Nafas juga merupakan pertubuhan di peringkat kebangsaan yang mempunyai struktur di peringkat negeri dan kawasan, justeru ia mempunyai kekuatan jaringan untuk memastikan keberkesanan pengagihan baja di peringkatnya.

"Jadi, adalah munasabah tiada penglibatan Nafas dalam isu ketirisan pengagihan baja," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi; Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah MNFSB, Wan Khairuzal Wan Khazim dan Pengurus Besar

Nafas, Ahmad Shaari.

Dalam pada itu katanya, sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam mengawal selia aktiviti pengilangan dan memborong baja di bawah Akta Bekalan 1961, pihaknya mengingatkan petani yang layak menerima baja subsidi, agar menggunakan kemudahan disediakan kerajaan itu sebaiknya.

"Dari segi penguatkuasaan, walaupun isu ketirisan baja tidak berada pada tahap yang terlalu mengancam, namun kita cuba bendung di peringkat awal kerana program ini bagi manfaat besar kepada golongan petani.

"Petani yang layak terima subsidi baja ini seharusnya memanfaatkan untuk tanaman padi supaya hasil mereka lebih baik dan meningkat sehingga enam tujuh tan (bagi sehektar)," katanya. - Bernama



“Lembu yang dipelihara ini sangat baik dan mendengar kata”

Abdul Rahim

Berat hati lepaskan si Merah

Pasir Putih: Seorang pemilik lembu baka Limousin seberat 1,300 kilogram (kg) bersyukur kerana haiwan yang diberi nama Merah itu sudah ada pembeli yang dijual dengan harga RM22,000.

Lembu berusia lebih tiga tahun itu dipelihara penternak, Abdul Rahim Salleh, 74, dari Kampung Beris Pindu Gerbang, Tawang, dekat Bachok.

Abdul Rahim yang lebih dikenali sebagai Pak Ngah berkata, walaupun terlalu sayangkan haiwan itu, dengan berat hati dia terpaksa melepaskannya kepada tuan baharu.

“Beberapa individu berminat dengan lembu ini dan seorang pembeli menawarkan harga RM22,000 walaupun harga sebenarnya

RM26,000. Saya terpaksa menjual kerana usianya lebih tiga tahun.

“Lembu yang dipelihara ini sangat baik dan mendengar kata menyebabkan saya menyayangnya seperti isteri ser-ta anak. Haiwan ini saya letakkan di belakang rumah dan memandikannya anitara empat hingga lima kali sehari kerana keadaan cuaca yang panas.

“Saya juga sangat teliti dalam menjaga makanannya yang turut diberi empat kali sehari iaitu rumput segar dan makanan berkhasiat supaya haiwan ini membesar dengan sihat,” katanya ketika ditemui pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan di Pantai Bisikan Bayu di sini, semalam.

Katanya, sebak Merah di-

jual, dia mendapatkan pengganti baharu yang seakan-akan haiwan itu kerana ia mengubat kerinduannya selepas haiwan itu mendapat pemilik baharu.

“Penjagaan haiwan ini tidak rumit tetapi perlu teliti bagi mengelakkan ia dijangkit penyakit berjangkit termasuk mendapatkan khidmat dari-pada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Haiwan ini saya beli dengan harga lebih RM7,000 daripada seorang penternak yang juga pembiaak baka di Tangok, Bachok, dua tahun lalu,” katanya.

Abdul Rahim berkata, memelihara lembu adalah sumber pendapatan utamanya sejak lebih 50 tahun lalu dan dengan hasil itu dia membesarkan enam anak.



Menteri Besar menjurus anak pokok durian.

Kelantan rintis tanaman musang king

PASIR PUTEH: Penanaman durian musang king sudah lama dilaksanakan di Kelantan di mana diusahakan sebuah syarikat di kawasan seluas 1,000 hektar.

Namun projek perintis itu pada peringkat awal dipandang septi sesetengah pihak.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob berkata, projek perintis di Gua Musang tersebut diusahakan sebuah syarikat.

"Tanah seluas 1,000 hektar dilulus kepada syarikat terbabit untuk mengusa-

hakan projek penanaman durian kumit atau musang king.

"Baharu sekarang kerajaan Persekutuan menggalakan penanaman musang king setelah produk itu mendapat pasaran antarabangsa termasuk China," katanya selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2019 di Pantai Bisikan Bayu Semarak Khamis lepas.

Turut hadir Speaker Dun Dato' Abdullah Ya'kob, Pengerusi Jawatankuasa Per-

anian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail.

Hadir sama anggota-anggota Exco, wakil rakyat dan Pengarah UPEN Dato' Dr Tengku Mohamed Fazihurudean Tengku Fiassal.

HPPNK bermula Rabu lepas dan berakhir Ahad ini di mana pelbagai produk pertanian dipamerkan.

Menteri Besar juga berkata, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada sektor pertanian kerana kepentingan-

nya untuk menjaga pendapatan rakyat dan menyumbang kepada Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK).

"Kita juga memberi sumbangan terhadap 'food security' negara dengan dasar Kelantan Jelapang Makanan Negara.

"Terdapat juga Naimbf yang menghasilkan lembu kacukan berkualiti. Sektor ternakan terus berkembang dengan memperkenalkan kambing sado, kalahari, lembu tenusu dan kambing tenusu," katanya.

Kelantan pastikan bekalan makanan cukup



Ustaz Ahmad Yakob tertarik melihat aneka buah-buahan dan produk pertanian dipamerkan.

MUHAMMAD ARIF ISMAIL

PASIR PUTEH: Misi menajadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara adalah selaras dengan Dasar Agro Makanan Negara (DAN) untuk mengurangkan kebergantungan import produk pertanian.

Selain itu memastikan bekalan makanan mencukupi dan selamat untuk dimakan.

Menteri Besar Ustaz Dato' Ahmad Yakob ber-

kata, jangkaan penduduk Malaysia akan meningkat kepada 41.2 juta orang menjelang 2040 penting untuk memastikan bekalan makanan mencukupi.

Katanya, pelbagai inisiatif diambil termasuk penternakan lembu pedaging (Naimbf) dan program meningkatkan hasil perikanan, buah-buahan dan perlombongan bagi memenuhi keperluan domestik.

"Program menternak lembu tenusu dan kambing tenusu merupakan projek sokongan pembangunan ternakan bertujuan meningkatkan pengeluaran susu segar dan potensi untuk dieksport.

"Secara kasar jumlah pendapatan produk tenusu direkodkan Jabatan Veterinar negeri pada 2018 ialah RM1.5 juta bagi kambing tenusu dan lembu tenusu (RM1.9 juta)," katanya ketika



Lembu sado juga dipamerkan.

merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2019 di Pantai Bisikan Bayu Khamis lepas.

Menurutnya juga industri asas tani di Kelantan menunjukkan peningkatan jumlah hasil dan nilai pengeluaran sebanyak 29 peratus pada 2018.

Peningkatan itu dicatat lebih 470,000 metrik tan dengan nilai lebih RM770 juta.

Begitu juga bilangan pe-

tani dan pengusaha juga bertambah kepada 230,000 orang pada 2018 berbanding 147,000 (2017).

"Bagi memastikan kemajuan sektor pertanian pelbagai langkah diambil agensi-agensi pertanian termasuk memperkenalkan pelbagai intensif yang bersifat khidmat nasihat teknikal dan kursus.

"Langkah itu sangat penting ke arah menjayakan

program pertanian seperti pembangunan tanah terbiar, pembangunan usahawan tani dan program pembangunan industri asas tani," ujarnya.

Menurutnya juga kerajaan negeri memperkenalkan Gerakan Pertanian Al-Falah dan projek Pembangunan Ternakan Lembu Tenusu Al-Falah ke arah pembangunan yang mampan dan berdaya maju.

KPNHEP belum terima aduan bekalan daging tak cukup

Sungai Petani: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNHEP) belum menerima laporan atau rungutan orang ramai berhubung bekalan daging tidak mencukupi menjelang Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata talian aduan KPNHEP sehingga kini belum menerima laporan dari mana-mana individu berhubung kekurangan bekalan berkenaan.

"Perkara ini (bekalan daging) adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (tetapi) jika membabitkan aspek pengguna atau pengguna terjejas (kerana kurang bekalan), baru kita respon."

"Namun, buat masa sekarang kita belum menerima aduan mengenai. Setakat ini yang masih kita terima mengenai harga dan penipuan atas talian, (kekurangan) bekalan daging masih belum ada," katanya selepas Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia 2019, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas sama ada KPNHEP menerima laporan orang ramai berhubung kekurangan bekalan daging sempena Aidiladha.

Sebelum ini, *BH* melaporkan bekalan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadat korban sempena Aidiladha minggu depan bukan saja

dijamin mencukupi, malah melebihi permintaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata jumlah berkenaan berdasarkan perangkaan bekalan semasa lembu tempatan dan lembu yang diimport dalam tempoh tiga bulan sebelum perayaan.

Katanya, selain bekalan ternakan tempatan, sumber bekalan ternakan lembu itu turut diimport dari Thailand dan Australia, manakala kambing dan biri-biri diimport dari Australia.

Sementara itu, pada Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia 2019, 500 hadir untuk bertukar maklumat dan berdialog dengan Saifuddin Nasution.



Saifuddin menerima cenderahati daripada wakil penghulu pada Majlis Perjumpaan bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia di Sungai Petani, semalam. (Foto Mohd Rizal Abdullah/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	12



KEN Soon (kanan) bersama pekerjanya menunjukkan buah durian di Gudang Durian N9 miliknya di Jalan Temiang.

RM8 juta sebulan

■ Pengusaha buah-buahan tempatan jana pendapatan lumayan

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Seronohan

Memiliki kebun seluas kira-kira 80.94 hektar di Jelevu dan Kuala Krau, Pahang membolehkan seorang pengusaha buah-buahan tempatan menjana pendapatan amat lumayan.

Chin Ken Soon, 38, berkata, buah-buahan yang diusahakannya adalah durian, be-

limbing, tembikai, betik dan manggis yang turut dieksport ke beberapa negara di Asia dan Eropah.

"Belimbing dan betik adalah buah paling banyak dijual ke luar negara seperti China, Arab Saudi dan beberapa negara Eropah seperti Poland serta Belanda yang mampu menjana pendapatan sebanyak RM8 juta sebulan.

FAKTA

Belimbing dan betik adalah buah paling banyak dijual ke luar negara

"Durian jenis Musang King, Udang Merah, D24, Tekka serta durian kampung adalah untuk pasaran tempatan yang boleh mendatangkan hasil sebanyak RM3 juta hingga RM4 juta sebulan," katanya ketika ditemui di Gudang Durian N9 miliknya di Jalan Temiang di sini, kelmarin.

Katanya, mengikut permintaan pasaran, jumlah ke-

luaran buah-buahan di kebunnya masih tidak mencukupi kerana perlu mendapatkannya daripada pengusaha lain.

"Setiap kali dieksport ke China, Arab Saudi dan beberapa negara lain, saya memerlukan sekurang-kurangnya 100 tan atau lapan kontena buah sebulan untuk sesebuah negara.

"Ini kerana apabila tiba September hingga Oktober setiap tahun, permintaan buah-buahan ini meningkat di negara Eropah," katanya.

Headline	Arrange Chinese quarantine officials to visit jackfruit plantation		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	05 Aug 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A14	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	476 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,697



安排中国检疫官来波罗蜜园

麻坡4日讯 | 农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁透露，农业部正安排中国的检疫官员来大马考察国内的波罗蜜种植园，以探讨设立检疫和出口程序。

他说，这就好像当初的中国检疫官员来大马考察榴梿园一样，将制订出一套严格的出口程序，确保食品的安全。

沙拉胡丁也是国家诚信党新邦二南州议员，今日在选区主持农业嘉年华会开幕礼后，受询时这么透露。出席者包括民主行动党文打烟州议员黄益豪和公正党武吉南州议员莫哈末业萨鲁丁。

波罗蜜拟出口中国

我国计划把波罗蜜出口到中国，至今12年未能如愿。沙拉胡丁说，一旦待波罗蜜成功出口至中国，红毛丹、山竹、



沙拉胡丁（左3）剪下指天椒，象征为农业嘉年华会主持开幕。右起为黄益豪、莫哈末业萨鲁丁。

蜜瓜等也将会出口到中国。

「不单是中国，新加坡和欧洲等都是我国出口水果的目标国家。」

在榴梿方面，他说，农业部官员将严格把关，以确定猫

山王榴梿的出口有依照中国规定的出口程序，包括冷冻货柜的温度都得依照规定。

他说，猫山王榴梿出口至今，尚未接到任何一方的投诉。猫山王榴梿出口中国后，

甘榜榴梿价格最近也好转了。

「农产品的出口市场很多，农业部提供微额贷款，以协助小农夫摘种植。我们不怕没有市场，担心的是产量不足以应付。」